



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE INTEREST OF HADITH SCHOLARS IN THE SCIENCE OF QIRAAT: CHARACTERS AND WRITING]

KEPEDULIAN SARJANA HADITH DALAM ILMU QIRAAT: TOKOH DAN PENULISAN

NORAZMAN ALIAS,¹ ZAINORA DAUD¹ & ANUAR HASIN¹

¹ Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
e-mail: norazman@usim.edu.my; zainora@usim.edu.my; anuarhasin@usim.edu.my

*Corresponding Author: norazman@usim.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

Abstract

It is common knowledge that the science of hadith and the science of qiraat are two different disciplines of knowledge in terms of its debates and studies. Both branches of knowledge have their own scholars and expertises. The fact is, the scholars of the past in particular were not only known as experts in the knowledge they pioneered, but they also studied the other disciplines since they were little. This matter can be seen through the writings related to the knowledge of qiraat quoted in various books of hadith written by hadith scholars as well as the praise of scholars for their mastery of knowledge. Among the hadith figures who are skilled in the science of qiraat are such as Humaid bin Qais al-‘Araj (died 130H), ‘Ali bin ‘Umar al-Daruquthni (died 385H), Shihabuddin Abu Syamah al-Maqdisi (died 665H) and many more. The objective of this study is to examine some examples of the concern of hadith scholars towards the science of qiraat. In addition, the study also focuses on writings related to qiraat quoted by hadith scholars in their books as research evidence. The results of the study found that writing in the field of qiraat has been given priority by previous hadith scholars directly, either in the context of narration or narration.

Keywords: The Interest of Hadith Scholars, The Science of Qiraat, Characters and Writing

Abstrak

Umum mengetahui bahawa ilmu hadith dan ilmu qiraat ialah dua disiplin ilmu yang berbeza dari sudut perbahasannya dan kajiannya. Kedua-dua cabang ilmu tersebut mempunyai para sarjana dan cendekiawannya yang tersendiri. Hakikatnya, para ilmuwan islam khususnya bukan sahaja dikenali sebagai pakar dalam ilmu yang dipelopori, bahkan mereka juga mendalami disiplin ilmu lain sejak mereka kecil lagi. Perkara ini boleh dilihat menerusi penulisan berkaitan ilmu qiraat yang dinukilkan dalam pelbagai kitab hadith yang dikarang oleh ilmuwan hadith serta pujian ulama terhadap penguasaan ilmu mereka. Antara tokoh hadith yang berkemahiran dalam ilmu qiraat adalah seperti Humaid bin Qais al-‘Araj (wafat 130H), ‘Ali bin ‘Umar al-Daruquthni (wafat 385H), Shihabuddin Abu Syamah al-Maqdisi (wafat 665H) dan ramai lagi. Objektif kajian ini

adalah untuk mengkaji beberapa contoh kepedulian sarjana hadits terhadap ilmu qiraat. Selain itu, kajian memberi fokus juga kepada penulisan berkaitan qiraat yang dinukilkan oleh sarjana hadits dalam kitab mereka sebagai bukti kajian. Hasil kajian mendapati bahawa penulisan dalam bidang qiraat telah diberi keutamaan oleh sarjana hadits terdahulu secara langsung, sama ada dalam konteks dirayah mahupun riwayat.

Keywords: Kepedulian Sarjana Hadith, Ilmu Qiraat, Tokoh dan Penulisan

Cite as: Norazman Alias, Zainora Daud & Anuar Hasin. 2021. [The interest of hadith scholars in the science of qiraat: Characters and writing] Kepedulian sarjana hadits dalam ilmu qiraat: Tokoh dan penulisan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 60-69.

PENGENALAN

Para ilmuwan di kalangan umat Islam terdahulu amat mengambil berat dan menunjukkan minat mereka terhadap pelbagai disiplin ilmu agama seperti kepedulian para sarjana hadits terhadap al-Quran dan qiraat. Kesungguhan mereka terhadap ilmu ini dapat dilihat menerusi karya dan penulisan mereka khususnya dalam memelihara periwayatan ilmu qiraat serta meneliti susur jalur sifat perawi qiraat. Metodologi dan kaedah kepedulian mereka ini mempunyai pelbagai bentuk, sama ada menerusi teknik hafazan, talaqqi farsh al-Huruf, penulisan, mahupun dalam bentuk syarahan dan pengajaran. Terdapat juga di kalangan sebahagian sarjana hadits yang mengarang pelbagai kitab berkaitan ilmu qiraat dan bab kajian dalam penulisan mereka secara khusus, sehingga bermulalah tinta sejarah periwayatan ilmu qiraat menerusi kitab.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi fokus kepada beberapa persoalan, iaitu seperti berikut:

1. Siapakah antara tokoh hadits yang mengambil peduli terhadap ilmu qiraat?
2. Sejauh manakah kesungguhan tokoh hadits terhadap kepentingan ilmu qiraat?
3. Apakah contoh periwayatan qiraat dalam penulisan kitab hadits?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji beberapa contoh kepedulian sarjana hadits terhadap ilmu qiraat serta memberi fokus kepada penulisan berkaitan qiraat yang dinukilkan oleh sarjana hadits dalam kitab mereka sebagai bukti kajian. Kajian ini diusahakan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan iaitu:

1. Mengemukakan beberapa tokoh hadits yang mengambil peduli terhadap ilmu qiraat.
2. Menghuraikan kesungguhan tokoh hadits terhadap kepentingan ilmu qiraat.
3. Menyingkap beberapa contoh periwayatan qiraat dalam penulisan kitab hadits.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang bersifat kualitatif ini akan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding. Metode deskriptif akan memberi fokus khusus kepada beberapa kitab hadith terpilih yang menukikan periwayatan qiraat manakala metode deduktif akan digunakan secara maksimum dalam menghasilkan dapatan yang diharapkan.

KEPEDULIAN SARJANA HADITH TERHADAP TALAQQI al-QIRAAT

Ilmu qiraat perlu dipelajari secara talaqqi bi al-Musyafahah daripada ahlinya, sebagaimana yang diamalkan oleh para sahabat yang mengambil bacaan daripada baginda SAW. Hal ini kerana bacaan al-Quran bukanlah sesuatu yang boleh direka dan ditokok tambah, bahkan ia diwarisi sejak zaman penurunan wahyu sehinggalah ke hari ini secara mutawatir. Berkata al-Qurtubi (wafat 671h): “Qiraat yang dibaca oleh para qurra’ adalah thabit datangnya daripada Nabi SAW secara mutawatir yang diketahui di kalangan sarjana. Apabila ia telah thabit daripada Nabi SAW, lalu ada yang membantahnya, maka dia telah membantah Nabi SAW dan membenci apa yang baginda membacanya”. (al-Qurtubi, 2006)

Lantaran itu, para sarjana dan ulama yang menguasai pelbagai cabang ilmu agama khususnya di kalangan muhaddithin juga tidak terkecuali untuk bertalaqqi dan mempelajari bacaan al-Quran daripada para qurra’ yang alim dalam bidang qiraat. Bahkan, ada di kalangan sarjana hadith silam yang mempunyai susur jalur sanad dalam bidang qiraat sebagai pembuktian penguasaan mereka terhadap kepelbagaian bidang pengajian Islam. Antaranya ialah:

1. Abu Safwan Humaid bin Qais al-A’raj al-Makki (Wafat 130H)

Beliau ialah Abu Safwan, Humaid bin Qais al-A’raj al-Makki. Dilahirkan di Makkah, thiqah, menguasai al-Quran. Disandarkan kepadanya bacaan penduduk Makkah, juga kepada ‘Abdullah bin Kathir, Ibn Muhaisin dan saudara kandungnya, ‘Umar bin Qais. (al-Qurtubi Y. b., 2008) Beliau juga meriwayatkan hadith Nabi SAW dan mendapat pujian daripada tokoh hadith terkenal iaitu Yahya bin Ma’in (wafat 233h). Kata beliau: “Humaid bin Qais ialah seorang penduduk Makkah dan thiqah”. Berkata Abu ‘Umar: “Imam Malik meriwayatkan hadith daripada sebanyak enam buah hadith yang marfu’ dalam kitab al-Muwatta’”. (al-Qurtubi Y. b., 2008)

Dalam bidang qiraat pula, Humaid bin Qais al-A’raj bertalaqqi daripada Mujahid bin Jabr (wafat 104h) dan ‘Atha’ bin Abi Rabah (wafat 114h). Beliau telah memperdengarkan bacaan kepada Mujahid bin Jabr sebanyak tiga kali khatam. Antara anak murid beliau dalam bidang ini pula merupakan tokoh-tokoh besar dalam Islam seperti Sufian bin ‘Uyainah (wafat 198h), Abu ‘Amr bin al-‘Ala’ (wafat 154h), ‘Abd al-Warith bin Sa’id (wafat 180h) dan ramai lagi. (al-Zahabi, Ma’rifah al-Qurra’ al-Kibar ‘Ala al-Tobaqat Wa al-A’sor, 2008) Sufian bin ‘Uyainah meriwayatkan daripada Humaid bin Qais berkata: “Setiap bacaan yang aku ajarkan adalah daripada Mujahid”. Sufian bin ‘Uyainah juga berkata: “Humaid bin Qais merupakan seorang yang paling dirujuk di kalangan mereka (penduduk Makkah). Mereka tidaklah

bersepakat melainkan kepada bacaannya. Dan tidak ada seorang yang alim bacaan mereka di Makkah melainkan beliau dan Ibn Kathir”. (al-Zahabi, Ma’rifah al-Qurra’ al-Kibar ‘Ala al-Tobaqat Wa al-A’sor, 2008)

2. ‘Ali bin ‘Umar al-Daruquthni (Wafat 385H)

Beliau ialah Abu al-Hasan, ‘Ali bin ‘Umar bin Ahmad al-Baghdadi al-Daruquthni. Tokoh ini merupakan seorang ilmuwan dalam bidang qiraat dan hadith. Dilahirkan pada tahun 306 hijriah di perkampungan Dar al-Qutn di Baghdad.

Sejak kecil lagi beliau mempelajari ilmu agama daripada tokoh-tokoh besar seperti Abu Bakr bin Abi Daud al-Sijistani (wafat 316h), Abu al-Qasim al-Baghawi (wafat 317h), ‘Ali bin ‘Abdillah al-Wasiti (wafat 324h), Abu Bakr bin Ziyad al-Naisaburi (wafat 324h) dan ramai lagi. (al-Zahabi, 2006)

Tokoh yang dinyatakan ini turut mempunyai sanad dalam bidang qiraat di mana beliau bertalaqqi daripada bapanya, sehinggakan beliau menguasainya dari sudut usul dan pelbagai permasalahan ilmu qiraat. Orang ramai pernah berkata: “Sesungguhnya al-Daruquthni telah melahirkan para qurra’ di negara ini”. (al-Daruquthni, 2013) Pernah suatu hari, al-Daruquthni menceritakan: “Suatu ketika aku dan Abu Hafs al-Kattani (wafat 390h) memperdengarkan bacaan hadith. Lalu orang ramai berkata: “al-Kattani melahirkan muhaddith di negara ini, sedangkan al-Daruquthni melahirkan muqri’ di negara ini. Maka akhirnya aku telah melahirkan muhaddith sedangkan al-Kattani melahirkan muqri’”. (al-Jauzi, 1995) al-Zahabi turut menyebut antara kelebihan al-Daruquthni ialah beliau memiliki suara yang sedap dalam bacaan. (Tarikh al-Islam Wa Wafayat al-Masyahir Wa al-A’lam, 2003)

Menurut Abu al-Toyyib al-Mansuri, tokoh ini merupakan sarjana terawal yang menulis kitab dalam bidang qiraat dengan mendahulukan syarah usul sebelum syarah farsh al-Huruf. (al-Mansuri, 2007)

Antara guru beliau dalam bidang qiraat ialah Abu al-Hasan Ahmad bin Ja’far al-Munadi (wafat 336h), Abu Bakr bin Muhammad al-Naqqash (wafat 351h), Abu Bakr bin Mujahid (wafat 324), pengarang kitab al-Sab’ah fi al-Qiraat al-Sab’ dan ramai lagi. (Siyar A’lam al-Nubala’, 2006)

3. Shihabuddin Abu Syamah al-Maqdisi (Wafat 665H)

Beliau ialah Shihabuddin Abu Syamah, Shihabuddin ‘Abd al-Rahman bin Isma’il bin Ibrahim al-Maqdisi al-Dimashqi. Dilahirkan di Damshiq pada malam Jumaat, 23 Rabi’ al-Akhir tahun 599 hijriah. Tokoh ini merupakan seorang ilmuwan dalam bidang bahasa Arab, usul fiqh, hadith, bermazhab Syafi’e dan mengarang pelbagai jenis kitab dalam bidang agama. (al-Zahabi, 2008)

Tokoh yang masyhur ini telah mengkhatamkan hafazan al-Quran sebelum usia mencecah 10 tahun. Beliau telah menekuni ilmu qiraat daripada ‘Alam al-Din al-Sakhawi (wafat 643h) ketika usia beliau 16 tahun. Berkata Jalaluddin al-Suyuti (wafat 911h): “Seorang yang alim dalam ilmu bahasa dan qiraat. Merupakan pemilik dan pakar rujuk hadith di al-Dar al-Asyafiyyah”. (Tobaqat al-Huffaz, 1998)

Abu Syamah al-Maqdisi telah melahirkan tokoh yang masyhur dalam bidang qiraat seperti Ahmad bin Mu'min al-Dimashqi (wafat 706h) dan Abu Bakr bin Yusuf al-Mizzi (t.t.). (Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'Ala al-Tobaqat Wa al-A'sor, 2008) Beliau juga telah mengarang dua buah kitab yang menjadi rujukan dalam ilmu qiraat iaitu Syarh al-Syatibiyyah dan Mufradat al-Qurra'. (al-Sofadi, 2000)

KEPEDULIAN SARJANA HADITH TERHADAP RIJAL al-QIRAAT

Hakikatnya sikap ambil berat yang ditunjukkan oleh sarjana hadith silam terhadap ilmu qiraat tidaklah hanya berkisar tentang penguasaan usul dan farsh al-Huruf semata-mata. Bahkan sebagaimana mereka menjadi pakar rujuk dalam ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil dalam menganalisa keabsahan susur jalur sanad sesuatu hadith, para sarjana silam juga menguasai ilmu rijal al-Qiraat atau dikenali juga sebagai tarajum al-Qurra'.

Pun begitu, terdapat juga sebahagian sarjana hadith mengarang kitab khusus dalam perbahasan ilmu rijal al-Qiraat seperti kitab Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar oleh al-Zahabi (wafat 748h) di mana tokoh yang hebat ini telah mengupas, menyusun serta menganalisis biodata para qurra' yang masyhur sejak dari zaman para sahabat sehinggalah ke zaman beliau.

Antara gaya penulisan yang diguna pakai oleh beliau dalam kitab tersebut ialah penyusunan tarajum al-Qurra' kepada 18 tabaqah yang merangkumi seramai 734 tokoh yang dinyatakan. Penulis telah memperincikan kajian beliau berdasarkan kepada tabaqah zamaniyyah iaitu tingkatan masa hayat hidup seseorang rijal al-Qiraat seperti penyebutan nama, nasab keturunan, gelaran dan panggilan, senarai nama guru tokoh tertentu berserta sanad yang bersambung sehingga kepada Nabi SAW, senarai nama murid tokoh dalam bidang al-Quran dan qiraat, sejarah hidup dan pandangan ulama terhadap tokoh, sumbangan tokoh dalam pengajaran ilmu qiraat dan disudahi dengan penyebutan tarikh serta tempat kewafatan tokoh. (Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'Ala al-Tobaqat Wa al-A'sor, 2008)

Kajian Kepustakaan Periwiyatan Qiraat dalam Penulisan Sarjana Hadith

Sejarah telah menunjukkan kepada kita betapa hebatnya sumbangan para sarjana hadith dalam mengumpul, menulis, mensyarahkan serta menyebarkan ilmu hadith kepada umat Islam. Usaha murni mereka ini hanyalah bertujuan demi memelihara kesucian kalam baginda SAW daripada sebarang bentuk penyelewengan dan pemalsuan. Penulisan dalam bidang hadith ini pula dikarang dalam pelbagai bentuk metode penulisan dan pembahagian bab berdasarkan periwayatan hadith yang sejumlah banyaknya. Terdapat hadith yang berkaitan tentang al-Quran dan tafsirannya, ada yang menceritakan hukum nasikh wa mansukh, asbab al-Nuzul, penurunan al-Quran berdasarkan kepada sab'ah ahruf, kelebihan dan adab membaca al-Quran di mana sejumlah periwayatan tersebut turut dinyatakan hadith berkaitan ilmu qiraat dan permasalahannya.

1. Periwiyatan Qiraat dalam Kitab Riwayah Hadith

Terdapat sejumlah hadith yang menyebut tentang ilmu qiraat. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa buah kitab riwayat hadith yang menjadikan rujukan utama dalam disiplin ilmu hadith

seperti Sahih al-Bukhari oleh Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (wafat 256h), Sahih Muslim oleh Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi (wafat 261h), Sunan Abi Daud oleh Abu Daud Sulaiman bin al-Ash'ath (wafat 275h), Sunan al-Tirmizi oleh Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi (wafat 279h), Musnad Ahmad oleh Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (wafat 241h), al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain oleh al-Hakim Muhammad bin 'Abdillah (wafat 405h) dan selainnya.

Di sini, penulis akan menyebut dua buah kitab riwayat hadits berkaitan periwayatan qiraat sebagai contoh kajian dalam kertas kerja ini iaitu:

Pertama: Sahih al-Bukhari oleh Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (Wafat 256H)

Imam al-Bukhari menyebut periwayatan qiraat dalam Sahih al-Bukhari menerusi kitab al-Tafsir dan kitab Fadha'il al-Quran di mana beliau menukulkan bacaan dengan sanadnya atau dijadikan sebagai tajuk bab. Contohnya:

باب وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحَنَهُ الْبَقَرَةُ: 116

(al-Bukhari, 2001). Pada firman-Nya وَقَالُوا , Ibn 'Amir membacanya tanpa huruf wau قَالَُوا sebagaimana yang tertulis dalam Mushaf Syami. Adapun selainnya (di kalangan qurra'), mereka membacanya dengan huruf wau وَقَالُوا . (al-Mabsut Fi al-Qiraat al-'Asyr, T.T.)

باب وَأَمَرَأْتُهُ حَمَالَةَ الْحَطَبِ ٤ الْمَسَد: 4
وَقَالَ مُجَاهِدٌ: حَمَالَةُ الْحَطَبِ: «تَمْشِي بِالتَّمِيمَةِ»، {فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّنْ مَّسَدٍ} [الْمَسَد: 5]: "يُقَالُ: مِّنْ مَّسَدٍ: لِيَفِ الْمَقْلِ، وَهِيَ السِّلْسِلَةُ الَّتِي فِي النَّارِ"

Terjemahan: Berkata Mujahid: "Firman-Nya حَمَالَةَ الْحَطَبِ , berjalan dengan sifat adu domba. Firman-Nya فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّنْ مَّسَدٍ , dikatakan: حَمَالَةُ الْحَطَبِ bermaksud ikatan tali dari sabut iaitu rangkaian tali dalam neraka. (al-Bukhari, 2001) Pada firman-Nya حَمَالَةَ , 'Asim membaca huruf ta' berbaris fathah حَمَالَةَ , dan selainnya (di kalangan qurra'), mereka membacanya dengan baris dhommah حَمَالَةُ . (al-Mabsut Fi al-Qiraat al-'Asyr, T.T.)

وَيُقَالُ: سُلْسِلًا وَأَغْلَلًا الْإِنْسَانُ: 4، أَي وَلَمْ يُجْرَ بَعْضُهُمْ

Terjemahan: Dikatakan سُلْسِلًا وَأَغْلَلًا iaitu sehingga sebahagian mereka tidak mampu melarikan diri. (al-Bukhari, 2001) Pada firman-Nya سُلْسِلًا وَأَغْلَلًا , Nafi, al-Kisaie, Hisyam daripada Ibn 'Amir dan Abu Bakr daripada 'Asim (Syu'bah) membaca secara tanwin سُلْسِلًا وَأَغْلَلًا . Selainnya (di kalangan qurra'), mereka membacanya tanpa tanwin سُلْسِلًا وَأَغْلَلًا . Qunbul daripada Ibn Kathir dan Hamzah memberhentikan bacaan padanya tanpa huruf alif, dan selainnya (di kalangan qurra') dengan huruf alif. (al-Mabsut Fi al-Qiraat al-'Asyr, T.T.)

قَالَ أَبُو أُسَامَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ، تَرَى النَّاسَ سُكْرَى وَمَا هُمْ بِسُكْرَى [الحج: 2]، ... وَقَالَ جَرِيرٌ، وَعِيسَى بْنُ يُونُسَ، وَأَبُو مُعَاوِيَةَ: (سُكْرَى وَمَا هُمْ بِسُكْرَى)

Terjemahan: Berkata Abu Usamah daripada al-A'mash: تَرَى النَّاسَ سُكْرَى وَمَا هُمْ بِسُكْرَى ... Berkata Jarir, 'Isa bin Yunus dan Abu Mu'awiyah: (سُكْرَى وَمَا هُمْ بِسُكْرَى). (al-Bukhari, 2001)

KEDUA: SAHIH MUSLIM OLEH MUSLIM BIN al-HAJJAJ al-NAISABURI (WAFAT 261H)

Kitab Sahih Muslim merangkumi nas-nas al-Quran yang terdapat perbezaan qiraat padanya. Imam Muslim merangkumkannya dalam kitab Solah al-Musafirin wa Qasruha, bab Bayan Anna al-Quran Unzila 'Ala Sab'ah Ahurf wa Bayan Ma'nahu, bab Ma Yata'llaqu bi al-Qiraat. Selain itu, penulis dapati nukilan-nukilan nas yang mempunyai khilaf qiraat dalam bab-bab lain. Antara contoh periwayatan qiraat dalam Sahih Muslim:

حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ، قَالَ: رَأَيْتُ رَجُلًا سَأَلَ الْأَسْوَدَ بْنَ يَزِيدَ وَهُوَ يُعَلِّمُ الْقُرْآنَ فِي الْمَسْجِدِ، فَقَالَ: كَيْفَ تَقْرَأُ هَذِهِ الْآيَةَ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ١٥ [القمر: 15]، أَدَالًا أَمْ دَالًا؟ قَالَ: بَلْ دَالًا، سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودٍ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: «مُدَّكِرٌ» دَالًا.

Terjemahan: Abu Ishaq menceritakan kepada kami: Dia berkata: Aku melihat seorang lelaki bertanya kepada al-Aswad bin Yazid ketika beliau sedang mengajarkan al-Quran di masjid, lalu berkata: Bagaimana awak membaca ayat ini? فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ١٥ Huruf dal atau huruf dzal? Berkata beliau: Bahkan huruf dal. Aku telah mendengar 'Abdullah bin Mas'ud pernah berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ١٥ huruf dal. (Sahih Muslim, 2003)

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ: وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ٢١٤ [الشعراء: 214] وَرَهْطَكَ مِنْهُمْ الْمُخْلِصِينَ، خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى صَعِدَ الصَّفَا، فَهَتَفَ: «يَا صَبَاحَةَ»، فَقَالُوا: مَنْ هَذَا الَّذِي يَهْتَفُ؟ قَالُوا: مُحَمَّدٌ، فَاجْتَمَعُوا إِلَيْهِ، فَقَالَ: «يَا بَنِي فُلَانٍ، يَا بَنِي فُلَانٍ، يَا بَنِي فُلَانٍ، يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ، يَا بَنِي عَبْدِ الْمُطَّلِبِ»، فَاجْتَمَعُوا إِلَيْهِ، فَقَالَ: «أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَخْبَرْتُكُمْ أَنَّ خَبَلًا تَخْرُجُ بِسَفْحِ هَذَا الْجَبَلِ، أَكُنْتُمْ مُصَدِّقِي؟» قَالُوا: مَا جَرَّبْنَا عَلَيْكَ كَذِبًا، قَالَ: «فَإِنِّي نَذِيرٌ لَكُمْ بَيْنَ يَدَيْ عَذَابٍ شَدِيدٍ»، قَالَ: فَقَالَ أَبُو لَهَبٍ: تَبًّا لَكَ أَمَا جَمَعْتَنَا إِلَّا لِهَذَا، ثُمَّ قَامَ فَنَزَلَتْ هَذِهِ السُّورَةُ تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَقَدْ تَبَّ، كَذَا قَرَأَ الْأَعْمَشُ إِلَى آخِرِ السُّورَةِ.

Terjemahan: Daripada Ibn 'Abbas berkata: Ketika mana turunnya ayat ini وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ٢١٤, dan juga kumpulan kamu (ahli keluarga dan kaum) di kalangan mereka orang-orang yang ikhlas. Rasulullah SAW telah keluar lalu menaiki bukit Sofa, lalu memanggil: Wahai di waktu pagi. Lalu orang ramai berkata: Siapa yang memanggil itu? Mereka menjawab: Muhammad. Lalu baginda bersabda: Wahai bani fulan, wahai bani fulan, wahai bani fulan, wahai bani 'Abd Manaf, wahai bani 'Abd al-Muttalib. Orang ramai pun terus berkumpul di hadapan baginda SAW, seraya baginda bersabda: Adakah kamu semua ingin tahu, sekiranya aku khabarkan kepada kamu bahawa di sebalik

bukit ini akan keluar sepasukan kuda (menyerang kamu), adakah kamu akan membenarkanku? Lalu orang ramai menjawab: Ya, kami belum pernah mendustakan kamu. Maka baginda SAW membaca firman-Nya: (bermaksud) Maka sesungguhnya aku adalah pembawa peringatan kepada kamu sebelum (menghadapi) azab yang keras. (Saba': 46) Dia bersabda: (Tiba-tiba) Abu Lahab berkata: Celakalah kamu. Adakah tujuanmu mengumpulkan kami kerana perkara ini? Kemudian dia terus berganjak. Maka turunlah surah ini (surah al-Masad). Demikian jugalah bacaan al-A'mash sehingga akhir surah ini. (Sahih Muslim, 2003)

2. PERIWAYATAN QIRAAT DALAM KITAB SYARAH HADITH

Berdasarkan kepada pengamatan penulis terhadap kitab-kitab syarah hadith, terdapat banyak nas dan tekstual hadith yang berkait rapat tentang sebutan kalimah al-Quran. Nas-nas tersebut tidaklah terbatas kepada periwayatan semata-mata, malahan para sarjana turut mensyarahkan hadith berkaitan ilmu qiraat, mengeluarkan hukum dan takhrij hadith berkaitan antara riwayat yang berbeza, menjelaskan makna dan hukum hadith dari sudut penolakan dan penerimaan, menerangkan tokoh yang membaca qiraat tersebut berdasarkan kepada rujukan sumber penulisan dalam ilmu qiraat dan tafsir. Antara contoh yang boleh dinyatakan di sini ialah:

Pertama: Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari oleh Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani (Wafat 852H)

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani berkata: “Firman-Nya: كَسَالَىٰ وَكُسَالَىٰ satu bacaan dengan baris fathah pada huruf kaf dan satu lagi baris dhommah. Aku katakan: Kedua-duanya ialah qiraat. Jumhur (qurra') membacanya dengan baris dhommah dan al-A'raj membacanya dengan baris fathah yang merupakan bahasa bani Tamim. Adapun Ibn al-Samaifa' membacanya juga dengan baris fathah akan tetapi menggugurkan huruf alif dan membaca huruf sin secara sukun dengan disifatkan bacaan tersebut bagi muannath mufrad yang menunjukkan makna ramai. Bacaan ini samalah seperti bacaan تَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ. (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, 2019)

Juga, kata beliau: “Bab firman-Nya: ﴿مَا نُنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا﴾ [al-Baqarah: 106] yang demikian bagi Abu Dzar نُنْسِهَا dengan baris dhommah pada huruf awalnya dan baris kasrah pada huruf sin, tanpa huruf hamzah. Selain beliau, membacanya نُنْسَاهَا dan yang pertama ialah bacaan jumhur yang juga menjadi pilihan di sisi Abu 'Ubaidah dan kebanyakan para mufassir. Bacaan kedua ialah qiraat Ibn Kathir, Abi 'Amr dan sebahagian mereka (di kalangan qurra'). Aku akan menyebutkan taujih bacaan kedua-duanya dan juga sebahagian qiraat lain yang dikira sebagai syawaz. (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, 2019) Juga, kata beliau: “Berkata al-Farra': كُفُوا dibaca secara tathqil dan takhfif iaitu baris dhommah dan sukun. Aku katakan: Baris dhommah ialah bacaan jumhur. Hafs (daripada 'Asim) membacanya dengan baris fathah tanpa huruf hamzah. Bacaan sukun di sisi Hamzah bersama huruf hamzah ketika wasal dan ibdal ketika waqaf. (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, 2019)

Kedua: al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj oleh Yahya bin Syaraf al-Nawawi (Wafat 676H)

Imam al-Nawawi mensyarahkan sebuah hadits dalam ‘Kitab: Iman, Bab: Galakan Memuliakan Jiran Tetangga dan Tetamu’ dengan katanya: “Sabda Nabi SAW: «فلا يؤذي جاره» Maka janganlah dia menyakiti jirannya». Maka yang demikian itu di sisi usul iaitu dengan huruf ya’ di akhir kalimah. Dan kami meriwayatkan selain daripada Muslim iaitu (فلا يؤذ) dengan membuang huruf ya’, dan kedua-duanya itu ialah sahih. Maka membuang huruf ya’ itu adalah untuk melarang, sedangkan mengekalkan huruf ya’ itu adalah bahawa ia merupakan khabar (predikat) yang membawa erti larangan, maka ia lebih menepati. Antara lain firman Allah SWT: لَا تُضَارُّ وَلَدَهُ بِوَلَدِهَا mengikut bacaan imam yang membaca baris dhommah (pada huruf ra’). (al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj, 2012)

Juga, dalam ‘Kitab: Iman, Bab: Penetapan Hukum Orang Mukmin Melihat Tuhannya Pada Hari Akhirat’ menerusi firman-Nya: هَلْ عَسَيْتَ dengan baris fathah pada huruf ta’ menunjukkan khitob (kata ganti nama kedua). Dikatakan dibaca baris fathah pada huruf sin dan juga baris kasrah, kedua-duanya merupakan bahasa Arab. Ia juga dibaca dalam qiraat tujuh. Nafi’ membaca baris kasrah dan selain beliau membaca baris fathah, dan ia merupakan paling fasih lagi masyhur dalam bahasa Arab. (al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj, 2012)

Imam al-Nawawi turut berkata dalam ‘Kitab: Iman, Bab: Dosa-doa Besar dan Yang Paling Besar’: “Adapun اَلْمُحْصَنَاتِ الْغَوَّلَاتِ, maka dibaca dengan baris kasrah dan juga fathah pada huruf sod, yang mana kedua-duanya ialah bacaan dalam qiraat tujuh. al-Kisaie membacanya dengan baris kasrah dan selain beliau membacanya dengan baris fathah. (al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj, 2012)

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Ilmu qiraat telah pun disentuh dan dibincangkan secara ilmiah dalam penulisan para sarjana hadits sejak dahulu lagi. Penguasaan serta kepedulian mereka terhadap selok-belok seni bacaan al-Quran ini dapat dilihat menerusi kesungguhan mereka dalam bertalaqqi al-Quran dan memperoleh susur jalur sanad qiraat seperti Humaid bin Qais al-‘Araj (wafat 130H), ‘Ali bin ‘Umar al-Daruquthni (wafat 385H), Shihabuddin Abu Syamah al-Maqdisi (wafat 665H). Selain itu, terdapat beberapa contoh petikan dan nukilan daripada kitab riwayat hadits dan kitab syarah hadits yang menyentuh perbahasan berkaitan ilmu qiraat. Juga, sebahagian daripada mereka mengarang kitab khusus dalam membicarakan ilmu qiraat seperti kitab Ma’rifah al-Qurra’ al-Kibar oleh al-Zahabi (wafat 748h). Ketokohan para sarjana hadits dalam ilmu qiraat ini lebih terserlah apabila mereka bukan sahaja menyatakan perbezaan bacaan sesuatu firman Tuhan, malahan mereka turut berhujah dan menjadikan qiraat sebagai dalil dalam penetapan sesuatu hukum sama ada dari sudut bahasa, fikah, sastera Arab dan sebagainya.

RUJUKAN

- al-‘Asqalani, A. b.-F. (2019). Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari. Kaherah: Dar Ibn al-Jauzi.
 al-Bukhari, M. b. (2001). Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar Thauq al-Najah.
 al-Daruquthni, ‘. b. (2013). ‘Ilal al-Daruquthni. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.

- al-Jauzi, J. ‘.-R. (1995). *al-Muntazam Fi Tarikh al-Muluk Wa al-Umam*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- al-Mansuri, A. a.-T. (2007). *al-Dalil al-Mughni Li Syuyukh al-Imam Abi al-Hasan al-Daruquthni*. Kaherah: Dar al-Kayan.
- al-Naisaburi, A. b.-H. (T.T.). *al-Mabsut Fi al-Qiraat al-‘Asyr*. Damsyiq: Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- al-Naisaburi, M. b.-H.-H. (2003). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- al-Nawawi, Y. b. (2012). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Qurtubi, M. b. (2006). *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qurtubi, Y. b. (2008). *al-Tamhid Li Ma Fi al-Muwatta’ Min al-Ma’ani wa al-Asanid*. Kaherah: al-Faruq al-Hadithah.
- al-Sofadi, S. K. (2000). *al-Wafi Bi al-Wafayat*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath.
- al-Suyuti, ‘. a.-R. (1998). *Tobaqat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- al-Zahabi, A. ‘. (2003). *Tarikh al-Islam Wa Wafayat al-Masyahir Wa al-A’lam*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Zahabi, A. ‘. (2006). *Siyar A’lam al-Nubala’*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Zahabi, A. ‘. (2008). *Ma’rifah al-Qurra’ al-Kibar ‘Ala al-Tobaqat Wa al-A’sor*. Kaherah: Dar al-Salam.